

Media Title : Kosmo
Headline : Beacon Hospital rancang tambah cawangan
Date : 9 February 2017
Page : 51
Size : 5.2x18.1



Beacon Hospital rancang tambah cawangan

KUALA LUMPUR – Beacon International Specialist Centre Sdn. Bhd. (Beacon Hospital) akan melabur RM300 juta untuk memperluaskan perkhidmatannya dengan membuka sebuah hospital baharu dalam tiga tahun akan datang.

Pada masa ini syarikat tersebut mempunyai sebuah hospital di Jalan Templer, Petaling Jaya, Selangor.

Ketua Pengarah Eksekutifnya, Victor Chia berkata, hospital baharu itu akan mempunyai 200 katil namun pihaknya masih belum memuktamadkan lokasi terlibat.

Chia memaklumkan, Beacon Hospital barhasrat untuk meningkatkan jumlah pesakit yang dirawat pada tahun ini berbanding 20,000 pada tahun lepas.

“Saya harap dapat menyaksikan peningkatan dalam pesakit luar negara memandangkan pelancongan perubatan hanya menyumbang kira-kira lima peratus daripada jumlah pesakit pada masa ini.

“Sebahagian besar pesakit yang mendapat rawatan dengan kami adalah dari Indonesia,” katanya kepada pemberita selepas pelancaran Tabung Kebajikan Radioterapi Beacon Hospital di Kuala Lumpur semalam.

Pusat rawatan berkenaan memulakan usaha pelancongan perubatan pada tahun lalu.

– Bernama